

KONSEP
boyfriend
shirt boleh
dikenakan
secara kasual.





FATIHAH NAJWA ZAINAL ABIDIN (kanan) dan Amiruddin Samsi mempopularkan kemeja longgar di Instagram.



FABRIK polos lebih senang dipadangkan bersama seluar atau apa sahaja.

Boyfriend shirt buat si gadis

Tampil dengan gaya lebih santai dan lasak

APABILA berbicara tentang fesyen wanita, seringkali dikaitkan dengan pemilihan busana yang elegan, seksi, comel, dan feminin, malah mereka tidak dapat lari daripada warna-warna semula jadi seperti putih, merah, dan merah jambu.

Tampil lain daripada lain, Karoonguni adalah lubuk bagi wanita yang tidak mahu terbatas dengan pemakaian feminin, sebaliknya mahu hadir dalam penggayaan lebih santai dan lasak, apa yang dipanggil sebagai konsep *boyfriend shirt*.

Pemiliknya, **Fatihah Najwa Zainal Abidin**, 21, berkata, dia mula menjual koleksi kemeja kasual *boyfriend shirt* ini selepas menyedari ramai yang berminat untuk mendapatkan ketika dia mengayakan di laman Instagram.

“Saya dan ibu gemar memakai kemeja besar bersama *legging* atau *jean skiny*. Kami rasa lebih senang menggayakannya kerana selesa dan bebas. Tambahan pula kemeja dapat dipadangkan dengan apa sahaja seluar, jadi tidak timbul sebarang masalah untuk bergaya.”

fesyen insta

Oleh **NURSYAMIMI SAIDI**
nursyamimi.saidi@utusan.com.my



“Apabila saya menyambung pelajaran ke universiti, terfikir pula untuk bermiaga mencari wang poket. Kawan-kawan pun ada bertanya tentang pakaian saya dan ketika itu tiada lagi peniaga *online* yang memfokuskan kepada kemeja kasual semata-mata dan saya antara terawal yang memperkenalkan gaya ini,” katanya.

Ujarnya, dia lebih yakin untuk menjual kemeja kasual kerana ia adalah koleksi pakaian yang paling digemarinya dan secara tidak langsung dapat menggambarkan identitinya dalam perniagaan yang diusahakan.

Turut berkongsi perniagaan dengan temannya, Amiruddin Samsi, Najwa berkata, *boyfriend shirt* tidak terhad kepada fabrik polos, sebaliknya terdapat juga dalam 20 rekaan bercorak. Kemeja

Koleksi terdiri daripada jenis kain kapas dan denim, pemakai tidak perlu risau akan keselesaannya kerana menyerap peluh dan longgar. Sesuai untuk mereka yang bertudung, setiap rekaan boleh digayakan untuk mereka yang bersaiz S hingga XL."

berkotak paling mendapat sambutan dalam kalangan pelanggannya.

Koleksi terdiri daripada jenis kain kapas dan denim, pemakai tidak perlu risau akan keselesaannya kerana menyerap peluh dan longgar.

Sesuai untuk mereka yang bertudung, setiap rekaan boleh digayakan untuk mereka yang bersaiz S hingga XL.

Hanya berharga RM34 sehelai, gaya ini bukan sahaja digemari oleh remaja bahkan golongan usia pertengahan.

Mungkin kerana harganya yang berpatutan dan mudah digayakan menjadi faktor mengapa ia mendapat perhatian ramai.

Bagi memudahkan pelanggannya melihat sendiri secara fizikal kemeja tersebut, Najwa turut menempatkannya di beberapa buah butik di seluruh negara.

Dia dan rakan niaganya turut turun padang bertemu pelanggan dengan mengadakan *carboot sale* di beberapa lokasi bergantung kepada permintaan pengikut mereka di Instagram.

Akuinya, cara itu lebih mudah dan merasa dekat dengan pelanggan supaya mereka dapat apa yang dimahukan selain salah satu usaha penghargaan yang boleh diberi kepada pelanggan setianya.

"Sebulan sekali kami akan mengadakan *carboot sale* dan selalunya universiti menjadi lokasi ideal untuk memasarkannya secara fizikal.

"Kami pun masih lagi menuntut dan jika ada kelapangan masa, kami akan mengadakannya sekirap mungkin," ujarnya yang merupakan pelajar Sains Komputer di Universiti Putra Malaysia (UPM).

Dijual secara talian sepenuh masa, anda boleh melihat sendiri koleksi yang ditawarkan melalui Instagram @karoongni.



Gambar MOHD. FARIZWAN HASBULLAH